

596:

MAHATHIR (BERNAMA EX) 矣'矣'矣'
OLEH JAFFAR HUSSIN

1975
KUALA LUMPUR, 24 OKT (BERNAMA) -- SEMUA PELAJAR MALAYSIA YANG AKAN MENUNTUT DI LUAR NEGERI DI MASA DEPAN DIKEHENDAKI MENDAFTARKAN DIRI DENGAN KEMENTERIAN PELAJARAN.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI, IBUBAPA AKAN DIMINTA MEMBERI JAMINAN BAHAWA PEMERGIAN ANAK-ANAK MEREKA KELUAR NEGERI BERTUJUAN SEMATA-MATA UNTUK BELAJAR.

BELIAU MEMBERITAHU BERNAMA, SYARAT-SYARAT BARU ITU MERUPAKAN BEBERAPA LANGKAH KETAT YANG AKAN DIKUATKUASAKAN OLEH KEMENTERIANNYA BERIKUTAN TUNJUK PERASAAN OLEH PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA SEMASA LAWATAN TUN ABDUL RAZAK KE AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND BARU-BARU INI.

MENURUT BELIAU, PERATURAN TERSEBUT MENGIKUT GARIS AKTA UNIVER-SITI DAN KOLEJ UNIVERSITI YANG BERKUATKUASA SEKARANG, AKAN DILAKSANAKAN +SECEPAT MUNGKIN.+

BAGAIMANAPUN, LANGKAH TERSEBUT SUDAH TENTU AKAN MENGAMBIL MASA UNTUK DIKUATKUASAKAN KERANA BEBERAPA FAKTOR, TERMASUK KEKURANGAN KAKITANGAN UNTUK MENGENDALIKAN PELAKSANAANNYA.

BUAT MASA INI, HANYA PELAJAR-PELAJAR YANG MENUNTUT DI UNITED KINGDOM, INDONESIA, PAKISTAN DAN BANGLADESH YANG DIBIYAI OLEH KERAJAAN DIDAFTARKAN DENGAN KEMENTERIAN PELAJARAN. -- BER SAMBUNG 1802/A1

597:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR 矣'矣'矣'

LANGKAH ITU PERLU KERANA TERDAPAT BEBERAPA ORANG PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI TELAH MENYALAHGUNAKAN SIKAP LIBERAL KERAJAAN MENGENAI PEMERGIAN MEREKA.

DARI KEJADIAN BARU-BARU INI ADALAH NYATA TIDAK SEMUA PELAJAR YANG KELUAR NEGERI BERHASRAT UNTUK BELAJAR TETAPI SEBALIKNYA MEMPUNYAI TUJUAN TERTENTU.

+TUJUAN MEREKA BUKAN SAHAJA BERTENTANGAN DENGAN KEPENTINGAN DAN KEHENDAK NEGARA SERTA MENGUNTINGKAN GULONGAN TERTENTU SEPERTI PIHAK KOMUNIS DAN ANASIR-ANASIR ANTI-NASIONAL BAHKAN JUGA BOLEH MENJEJASKAN PERHUBUNGAN BAIK KITA DENGAN NEGARA-NEGARA TEMPAT MEREKA BELAJAR.

+OLEH KERANA SIKAP LIBERAL KITA INI DISALAHGUNAKAN OLEH MEREKA, KITA TERPAKSA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH TEGAS SEPERTIMANA YANG DICADANGKAN.+

MENURUT MENTERI ITU, MALAYSIA ADALAH SEBUAH NEGARA YANG TERLALU LIBERAL TERHADAP WARGANEGARANYA YANG INGIN KELUAR NEGERI DAN TENTANG PENGELUARAN WANG DARI NEGARA INI.

KEBANYAKAN NEGARA MENGENAKAN SYARAT-SYARAT KETAT KEATAS WARGA-NEGARA YANG KELUAR NEGERI, TERMASUK MENGHENDAKI MEREKA MEMBERITAHU JUMLAH WANG YANG DIBAWA KELUAR DAN MENGADAKAN CAGARAN.

DR. MAHATHIR BERKATA, PERATURAN BARU ITU AKAN MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENENTUKAN BAHAWA PARA PELAJAR MALAYSIA DI LUAR NEGERI MENUMPUKAN PERHATIAN PENUH KEPADA PELAJARAN DAN TIDAK TERLIBAT DALAM KEGIATAN-KEGIATAN YANG MERUGIKAN NEGARA. -- BERSAMBUNG 1807/A1

600:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR 金'金'金'

202

CARA DEMIKIAN KERAJAAN DAPAT MENGETAHUI TUJUAN PEMERGIAN DAN JURUSAN PENGAJIAN YANG MEREKA PILIH SUPAYA SESUAI DENGAN KEHENDAK-KEHENDAK NEGARA.

+PERATURAN TERSEBUT AKAN JUGA MEMBANTU KITA MENGASINGKAN PENUNTUT-PENUNTUT BONA FIDE DARIPADA PELAJAR-PELAJAR YANG MEMPUNYAI TUJUAN BURUK,+ TAMBAH BELIAU.

MENTERI ITU MEMBERI JAMINAN BAHAWA PENGUATKUASAAN PERATURAN BARU ITU BUKAN BERTUJUAN MENYEKAT KEGIATAN PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT TETAPI DEMI UNTUK MENJAGA KEPENTINGAN NEGARA DAN MEREKA SENDIRI.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU PIHAKNYA BELUM LAGI MEMBUAT KEPUTUSAN TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL TERHADAP PARA PELAJAR MALAYSIA YANG TERLIBAT DALAM TUNJUK PERASAAN DI KEDUA BUAH NEGARA.

SEBARANG TINDAKAN YANG MUNGKIN DIAMBIL HARUS BERDASARKAN KEHENDAK SUARA RAMAI +KERANA PEMERINTAHAN KITA MENGIKUT KEHENDAK-KEHENDAK RAKYAT.+

DR. MAHATHIR MENYATAKAN HANYA SEBILANGAN KECIL SAHAJA PELAJAR MALAYSIA DI KEDUA-DUA NEGARA YANG TERLIBAT.

BELIAU MENAFIKAN SETENGAHLASETENGAH DAKWAAN BAHAWA KEJADIAN TERSEBUT BERLAKU KERANA KEBANYAKAN PELAJAR DI SANA KURANG FAHAM KEDUDUKAN DAN PERKEMBANGAN NEGARA YANG SEBENARNYA.

KATANYA: +ADALAH MUSTAHIL BAGI MEREKA TIDAK MENGETAHUI KEDUDUKAN SEBENARNYA APABILA LAIN-LAIN PELAJAR MENGETAHUINYA. -- BERSAMBUNG 1820/A1

603:

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR 金'金'金'

+JIKA BENAR KEBANYAKAN PENUNTUT KITA DI SANA KURANG MENDAPAT MAKLUMAT MENGENAI NEGARA MEREKA, SUDAH TENTU BILANGAN MEREKA YANG TERLIBAT DALAM TUNJUK PERASAAN BARU-BARU LEBIH RAMAI.+

KEMENTERIANNYA AKAN BEKERJASAMA DENGAN KEMENTERIAN LUAR NEGERI UNTUK MENYALURKAN LEBIH BANYAK MAKLUMAT DAN PENERANGAN TENTANG PERKEMBANGAN TERBARU DI NEGARA INI KEPADA SEMUA PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT.

KEMENTERIAN JUGA AKAN MENIMBANG KEMUNGKINAN MENGADAKAN LEBIH BANYAK PUSAT PENUNTUT (STUDENT CENTRES) DI SEBERANG LAUT BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA.

MENURUT DR. MAHATHIR, IA BERCADANG UNTUK MELAWAT NEGARA-NEGARA DI MANA TERDAPAT RAMAI PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA, TERMASUK AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND BAGI MENJELASKAN KEDUDUKAN DAN PERKEMBANGAN TERBARU.

+BAGAIMANAPUN, MEMANDANGKAN KEJADIAN BARU-BARU INI SAYA PASTI PINTU HATI PELAJAR-PELAJAR KITA DI AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND MASIH TERTUTUP UNTUK MENERIMA PENJELASAN SEBENARNYA DAN OLEH ITU TIDAK ADA FAEDAHNYA SAYA TEMUI MEREKA BUAT MASA INI.+ -- BERNAMA 1827/A1